

303 - 71/79
3/18

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI, MERANGKAP YANG
DI PERTUA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA,
KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT TAHUNAN
MAJLIS PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
TAHUN 1976 DI DEWAN SEMINAR,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA
LUMPUR, PADA HARI SABTU 14HB FEBRUARI,
1976, JAM 10.00 PAGI

Yang Berbahagia, Tan Sri Haji Hamdan,
Pengerusi, Jawatankuasa Kerja Persatuan
Sejarah Malaysia,
Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja,
Dhif-dhif Terhormat,
Saudara-saudara Ahli sekalian,

Saya bersyukur kerana dapat hadir
bersama-sama dalam Majlis ini sebagai Yang
Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, sambil
berpeluang memberikan sepatah dua kata untuk
merasmikan Pembukaan Mesyuarat Tahunan ini.
Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-
alukan dhif-dhif jemputan serta ahli-ahli
sekalian yang telah dapat melapangkan masa
hadir bersama-sama pagi ini.

Saudara sekalian,

2. Persatuan Sejarah kita telah bergerak begitu lama bukan sahaja untuk mencatatkan sejarah dan memberikan gambaran yang sesuai mengenai sejarah negara, tetapi juga ikut serta dalam perkembangan menggalakkan rakyat di negara ini meminati sejarah dan yang lebih penting lagi untuk menanamkan perasaan menghargai sejarah atau "sense of history", di kalangan jenerasi muda kita.

Saudara sekalian, yang kita masih ingat, Allahyarham Tun telah dilantik menjadi Yang Di Pertua Baru sebentar tadi, kita telah bersama-sama bertafakur memperingati jasa, khidmat, bakti dan juga pengorbanan Penaung Persatuan kita, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Amatlah tepat bagi kita, yang lepas mewarisi pimpinan dan khidmatnya itu untuk memperingati Allahyarham, bukan sahaja sebagai Penaung, tetapi sebagai bekas Yang Di Pertua Persatuan ini yang telah mengambil bahagian yang sungguh cergas, semenjak tahun 1957 lagi.

4. Seperti yang kita masih ingat, Allahyarham Tun telah dilantik menjadi Naib Yang Di Pertua Persatuan pada tahun 1957, tetapi mulai tahun 1958 sehingga tahun 1972, Allahyarham telah diberi penghormatan menjadi Yang Di Pertua Persatuan Sejarah ini. Sungguhpun selepas itu, dengan persetujuan saudara sekalian, pimpinan Persatuan telah diserahkan kepada saya, tetapi Allahyarham tetap menjadi Penaung kita.

5. Dari kesah ini, tercatitlah bahawa Allahyarham telah berada bersama-sama dengan kita, memberi khidmatnya kepada Persatuan selama lebih 18 tahun, iaitu satu tempuh yang hampir sama lamanya, dengan kemerdekaan tanah air kita ini. Khidmat yang mendalam dan penyertaan yang begitu rapat itu, sesungguhnya merupakan satu sumbangan yang amat cemerlang, satu sumbangan yang tidak ada nilainya dalam usaha memperkembang dan mengabadikan sejarah negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

6. Dalam kita memperingat dan mengenang semula jasa Allahyarham, dari sudut-sudut yang telah banyak diperkatakan, dan kebetulan pula saya sendiri telah membuat dua ucapan mengenai khidmat dan jasa Allahyarham di Dewan Negara dan Dewan Rakyat, maka wajarlah pula untuk kita mencatatkan sedikit sebanyak khidmat dan jasanya dari kaca mata Persatuan ini. Salah satu kegiatan yang mendapat galakan, dorongan serta inspirasi Allahyarham, ialah usaha penulisan Sejarah Malaysia, dari kaca mata ahli-ahli sejarah anak watan negara kita sendiri.

Saudara sekalian,

7. Langkah positif ke arah matlamat ini telah diambil di dalam tahun 1972, iaitu dengan melancarkan Peraduan Mengarang Sejarah Malaysia. Semenjak empat tahun yang lalu, Allahyarham telah meluluskan peruntukan wang bagi menyelenggarakan Peraduan Mengarang Sejarah Malaysia ini dengan jayanya. Selain daripada penulisan sejarah, Persatuan ini telah memperhebatkan usaha kerakaman sejarah negara kita ataupun oral history dengan mengadakan alat-alat rakaman pita atau tape dan risalah panduan, yang telahpun kita sampaikan kepada semua cawangan dan kawasan, di seluruh negara.

ahli serta peminat sejarah akan dapat membuat penyelidikan yang mendalam, mengenai Sejarah Malaysia sebagai usaha memperkayakan sejarah tanah air kita itu.

Saudara sekalian,

8. Saya amat sukacita mendapati bahawa Jawatankuasa Kerja Cawangan dan Kawasan telahpun menjalankan beberapa projek rakaman mengenai sejarah dan kebudayaan kita itu. Di samping itu, saya ingin menyeru semua pihak, khasnya Persatuan Perpustakaan Negara, bersama Universiti-universiti serta Pusat Pengajian Tinggi, supaya melengkapkan bahagian sejarah dan kebudayaan di perpustakaan masing-masing, dengan bahan sejarah seperti buku manuscript, rakaman dan juga micro-film berhubung dengan Sejarah Malaysia serta lain-lain bahan yang ada kaitannya dengan sejarah negara dan sejarah Asia Tenggara. Dengan adanya bahan-bahan seperti ini, ahli-ahli serta peminat sejarah akan dapat membuat penyelidikan yang mendalam, mengenai Sejarah Malaysia sebagai usaha memperkayakan sejarah tanah ayer kita itu.

Saudara-saudara sekalian,

9. Dalam hubungan mengenang sejarah serta khidmat Negarawan, Pahlawan Bangsa yang telah meninggalkan kita itu, saya ingin menyatakan bahawa Allahyarham Tun Razak sendiri merupakan satu objek sejarah atau historical personality yang perlu dikaji dan dinilai. Pengorbanannya tetap menjadi kebanggaan dan kenangan kita. Jasa-jasanya adalah sejarah negara. Pemikirannya adalah warisan sejarah. Oleh yang demikian, saya telahpun bersetuju supaya Persatuan kita ini mengambil inisiatif mengkaji sejarah perjuangan hidup Allahyarham itu dalam semua aspek, untuk menjadi warisan dan penelitian jenerasi akan datang. Bagi mencapai tujuan ini, sebuah Jawatankuasa Sementara akan dibentuk bagi menentukan tugas-tugasnya. Jawatankuasa ini, diharapkan dapat membulatkan tenaga ahli pensejarah kita supaya turut bersaga-sama mengumpulkan catitan dan riwayat Allahyarham Tun Razak itu.

Saudara-saudara sekalian,

10. Dalam ucapan saya di Dewan Negara, saya telah menyatakan keyakinan saya bahawa apabila Sejarah Malaysia Moden ditulis kelak, tidak syak lagi nama Tun Razak akan dicatit dalam lembaran sejarah itu sebagai seorang pemimpin besar, seorang statesman, seorang pembentuk dan seorang pelopor gagasan rantau Asia Tenggara yang bebas, aman dan berkecuali.

12. Bercekap mengenai aktiviti persatuan,
 11. ya. Demikian juga, dalam ucapan saya
 di Dewan Rakyat, telah juga saya sebutkan
 bahawa tidak syak lagi, apabila Sejarah
 Perundangan Malaysia atau Legislative History
 of Malaysia ditulis kelak, it will be clear
 that his role as a legislator is pre-eminent.
 Oleh itu, saya menyeru supaya Persatuan kita
 akan terus menjalankan daya inisiatifnya
 bagi mencapai maksud dan tujuan yang baik itu.

rakyat yang datang itu

(b) Unsur-unsur kebudayaan luar yang
masuk dan keluar, boleh diterima
sebagai unsur dalam pembentukan
kebudayaan itu, dan

(c) Isi-isi tradisi unsur yang positif,
dalam pembentukan kebudayaan
kebangsaan itu.

Saudara sekalian,

12. Bercakap mengenai aktiviti Persatuan, saya ingin mengumumkan bahawa tema bagi segala kegiatan Persatuan Sejarah Malaysia tahun ini, termasuk MINGGU SEJARAH, ialah "Sejarah Kebudayaan Nasional". Sebagaimana yang kita sedia maklum, tiga prinsip penting telahpun ditetapkan dalam Kongres Kebudayaan yang telah diadakan pada bulan Ogos, tahun 1971, iaitu:

- (a) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kepada Kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (b) Unsur-unsur kebudayaan luar yang sesuai dan wajar, boleh diterima menjadi unsur dalam pembentukan kebudayaan itu, dan
- (c) Islam menjadi unsur yang penting, dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

13. Ketiga-tiga prinsip itu menunjukkan rasional yang tersendiri dan kalau ditinjau dari sudut sejarah, asas dan pertumbuhan kebudayaan Malaysia, ia telah memperlihatkan bagaimana perkembangan kebudayaan itu sendiri, telah melalui sejarah pertumbuhannya. Kebudayaan negara ini telah wujud dengan sejarah manusia asal negara ini sendiri. Ia telah berkembang mengalami berbagai-bagai perubahan dan pengaruh, dari zaman pra sejarah, hinggalah ke zaman peradaban pengaruh Hindu-Buddha (India), pengaruh peradaban Islam dan Barat. Bukti-bukti arkeoloji, termasuklah beberapa penemuan di Semenanjung Malaysia seperti di Gua Cha, (Kelantan), Gua Kecil (Pahang), usaha-usaha penggalian bahan lama di Perak dan di Perlis, selain daripada penemuan di Gua Niah dan Kinabatangan (Sabah) bukan saja menghasilkan bahan-bahan pra sejarah yang bermutu, bahkan menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sudah

Saudara-saudara sekalian,

14. Menyentuh tentang unsur-unsur kebudayaan luar, baik peradaban China, India atau lainnya, selagi ianya sesuai dan tidak bercanggah dengan prinsip tadi, saya percaya, ia boleh diserapkan dalam pembentukan kebudayaan kita. Islam telah dijadikan sebahagian penting dalam pembentukan kebudayaan, oleh kerana ternyata bahawa rakyat asal, semenjak 500 tahun dulu, hingga sekarang telah memeluk, menganut dan menjadi pengikut Ugama Islam. Ugama Islam telah membina peribadi dan pembentukan identiti, rakyat asal itu sendiri. Islam telah membawa perubahan sikap, pandangan dan nilai hidup yang berdasarkan fahaman ilmiah.

Di dalam konteks negara kita ini, yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa (multi-racial society), sejarah tempatan memerlukan satu hakikat, ke arah wujudnya kebudayaan Malaysia yang sangat penting dalam proses memupuk keperibadian kebangsaan negara untuk perpaduan serta keteguhan negara. Saya sangatlah berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memberikan sumbangan dan kerjasama bagi menjayakan segala rancangan yang dijalankan oleh Persatuan kita tahun ini, di bawah thema "Sejarah Kebudayaan Nasional" itu.

Rancangan serta idea untuk menjayakan projek Nuzium Sejarah Nasional, apabila perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat kelak.

Saudara sekalian,

15. Dalam mesyuarat tahunan Majlis Persatuan tahun lalu, satu pindaan kepada Perlembagaan Persatuan telah dipersetujui dan kemudiannya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan iaitu untuk membolehkan Persatuan Sejarah Malaysia memiliki tapak tanah bagi Muzium Sejarah Nasional. Kita mengharapkan Jawatankuasa Kerja, dengan kerjasama Datuk Bandar Wilayah Persekutuan dapat menvegerakan urusan ini dan satu tapak tanah seluas yang sesuai dapat dikhaskan untuk Muzium Sejarah Nasional. Semua ahli adalah diminta memberikan cadangan serta idea untuk menjayakan projek Muzium Sejarah Nasional, apabila perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat kelak.

16. Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, Persatuan Sejarah kita mempunyai 13 cawangan peringkat negeri dan 13 cawangan peringkat kawasan, berjumlah 26 buah di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Kekuatan Persatuan kita adalah terletak kepada kegiatan Cawangan dan Kawasan yang menjalankan aktiviti masing-masing sepanjang tahun. Saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada ahli-ahli di semua Cawangan dan Kawasan, dan juga kepada ahli-ahli Majlis serta ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat, kerana usaha dan kerjasama mereka bagi memperkukuhkan Persatuan Sejarah kita ini. Dalam hubungan ini juga saya ingin menyatakan penghargaan kepada ^{Tan} ~~Tuan~~ Haji Hamdan, yang sungguh pun mula bercuti hari ini untuk bersara tetapi ia telah bersetuju untuk turut bersama-sama dalam Persatuan ini.

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya inginlah menyatakan tentang kemajuan yang telah dicapai, mengenai Ibu Pejabat Persatuan yang terletak di Jalan Hose. Bangunan Ibu Pejabat itu telahpun diperbaiki dan amat sesuai untuk jadi pusat gerakan kita. Dalam hubungan ini, saya inginlah mengucapkan terimakasih kepada pihak kerajaan yang telah bermurah hati memberikan kepada Persatuan bangunan tersebut yang saya harap dapat dijaga dan dipelihara dengan sempurnanya. Demikian juga, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada pihak-pihak yang telahpun menghulurkan derma untuk memperbaiki dan memagar kawasan Ibu Pejabat tersebut. Ucapan terimakasih ini saya tujukan khas kepada Encik Chew Kong Chian dari Malaysian Business Associates Sendirian

Berhad yang telah bermurah hati menderma \$6,000/-. Demikian juga, kepada Kuok Foundation yang telah menderma sebanyak \$2,000/-. Saya menyeru kepada semua pihak untuk menghulurkan derma kepada Persatuan ini kerana kita akan mengadakan projek yang lebih besar iaitu membina Bangunan Muzium Sejarah Nasional.

17A. Menyebut tentang derma, saya ingin juga menyatakan penghargaan kepada Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan yang telah memberikan derma sebanyak \$7,000/- sebagai wang hadiah kepada Peraduan Menulis Rencana Sejarah tahun ini.

18. Akhirkata, marilah kita bersama-sama memperkuat Persatuan untuk menggalakkan rakyat negara ini meminati dan mencintai sejarah. "Sense of history" sangatlah penting, sebagai usaha menghidupkan sejarah dan keagungan bangsa dan negara, seperti pernah dikatakan, bangsa yang besar adalah bangsa yang menghargai dan mencintai sejarahnya. Rakyat dan negara yang tidak menghiraukan sejarah, samalah seperti insan, yang punya badan tetapi tidak berjiwa.

19. Dengan seruan ini, saya dengan amat sukacitanya, merasmikan Mesyuarat Majlis Tahunan Majlis Persatuan Sejarah Malaysia, serta mengucapkan Selamat Bersidang.

Terimakasih.
